

**PERTANDINGAN FUTSAL PIALA PUSINGAN
YB DATO' SRI (DR.) RICHARD RIOT ANAK JAEM (EDISI 2021)**

SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

1.	<p><u>NAMA PERTANDINGAN</u> Pertandingan Futsal Piala Pusingan YB Dato' Sri (Dr.) Richard Riot Anak Jaem (Edisi 2021)</p>
2.	<p><u>PENGELOLA PERTANDINGAN</u> Majlis Daerah Serian</p> <p>Anjuran Bersama : Pusat Khidmat P.199 Serian dan JKKK Kampung Tebakang Bidayuh</p>
3.	<p><u>TARIKH & TEMPAT PERTANDINGAN</u> 3.1. Tarikh : 16hb Januari 2021 (Sabtu) 3.2. Tempat :</p> <p style="margin-left: 40px;">a. Stadium Tertutup Serian (Sebelah Pasar Malam Muslim, Serian) b. Gelanggang Futsal Kpg. Tebakang Bidayuh, Serian.</p>
4.	<p><u>PENDAFTARAN AHLI PASUKAN</u> Penyertaan adalah terbuka kepada mana - mana pasukan futsal <u>LELAKI</u> yang berumur <u>16 TAHUN DAN KE ATAS, WARGANEGARA MALAYSIA</u> dan <u>BERMASTAUTIN</u> di Bahagian Serian (<i>mengikut alamat pada Kad Pengenalan</i>) sahaja.</p>
5.	<p><u>PERATURAN PERTANDINGAN</u> Peraturan Kejohanan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang Permainan Futsal FIFA serta digunapakai oleh FAM.</p>
6.	<p><u>PERATURAN TAMBAHAN</u> Jika Pengadil dan Pegawai Perlawanan mendapati bahawa mana-mana pemain yang di dalam pengaruh alkohol dan dadah maka beliau akan disingkirkan daripada gelanggang serta dibatalkan penyertaan untuk sepanjang tempoh kejohanan tersebut.</p>
7.	<p><u>MASA PERLAWANAN</u> Semua perlawanan akan dijalankan akan ditentukan pada <u>Mesyuarat Pengurus Pasukan</u> pada 14hb Januari 2021 (Khamis).</p>
8.	<p><u>FORMAT PERTANDINGAN</u> Semua perlawanan di peringkat awal akan dijalankan secara liga dalam kumpulan, dan untuk peringkat suku-akhir hingga peringkat akhir akan dijalankan secara kalah mati.</p>

	<p><u>PENGIRAAN MATA</u></p> <p>9.1 Dalam peringkat awal liga, pasukan yang memenangi perlawanan akan diberi 3 mata, seri 1 mata dan kalah 0 mata,</p> <p>9.2 Dalam menentukan pasukan yang terbaik memasuki peringkat suku akhir, sekiranya selesai perlawanan di peringkat liga terdapat 2 pasukan mendapat jumlah kiraan mata yang sama dalam kumpulan tersebut maka ciri pertama yang ditentukan adalah melalui perbezaan gol (jaringan balas bolos) akan menentukan pemenang,</p> <p>9.3 Sekiranya keadaan adalah sama, maka ciri ke-2 yang akan digunakan pakai adalah pasukan yang mendapat jaringan gol yang lebih banyak akan layak ke peringkat seterusnya,</p> <p>9.4 Sekiranya keadaan adalah sama, maka ciri ke-3 yang akan digunakan adalah jumlah gol bolos pasukan tersebut akan diambil kira,</p> <p>9.5 Dan sekiranya keadaan adalah sama maka ciri ke-4 yang akan menentukan pasukan yang layak ke peringkat seterusnya adalah melalui tendangan penalti akan dilaksanakan untuk menentukan pasukan yang layak.</p>
10.	<p><u>TENDANGAN PENALTI : KAEDAH UNDANG-UNDANG FUTSAL NO.15 FIFA</u></p> <p>Dalam perlawanan Peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir dan Peringkat Akhir, tiga (3) orang pemain akan membuat tendangan penalti untuk menentukan kemenangan pasukannya. Sekiranya keputusan seri, maka tendangan penalti <i>Sudden Death</i> akan dilaksanakan sehingga keputusan diperolehi.</p>
11.	<p>Setiap pasukan wajib menyediakan jersi pasukan (baju bernombor, seluar, stoking, <i>shin guard</i> dan kasut) seperti pada Undang-undang No.4 FIFA Peralatan Pemain.</p>
12.	<p><u>HUKUMAN DISIPLIN KAD KUNING DAN KAD MERAH : MERUJUK KEPADA UNDANG-UNDANG FUTSAL NO.12 FIFA</u></p> <p>12.1 Pemain yang dikenakan amaran Dua (2) kad kuning secara automatik tidak dibenarkan bermain untuk baki semasa perlawanan tersebut,</p> <p>12.2 Pemain yang dikenakan Perintah Keluar Padang (Kad Merah) tidak dibenarkan bermain untuk baki Dua (2) perlawanan pasukan tersebut,</p> <p>12.3 Semua hukuman akan dibawa ke hadapan mulai dari perlawanan di peringkat liga dalam kumpulan sehingga ke perlawanan peringkat akhir.</p>
13.	<p><u>BANTAHAN</u></p> <p>Semua keputusan yang dibuat oleh Pegawai Perlawanan adalah MUKTAMAD. Tidak ada sebarang bantahan akan dilayan atau diterima.</p>

	<p><u>PEMATUHAN SOP SEKTOR SUKAN DAN REKREASI SEPANJANG TEMPOH PERTANDINGAN.</u></p> <p>i. Memastikan penjarakan fizikal (1 meter) di antara satu sama lain.</p> <p>ii. Pastikan memuat turun dan mendaftar dengan aplikasi My Sejahtera untuk tujuan pengesanan kontak rapat.</p> <p>iii. Memakai <i>face mask</i> sebelum dan selepas pertandingan. Semua peserta dikehendaki menggunakan face mask sepanjang masa ketika berada di luar gelanggang.</p> <p>iv. Mencuci tangan dengan sabun dan air atau menggunakan <i>hand sanitizer</i>.</p> <p>v. <u>DILARANG</u> meludah merata-rata tempat.</p> <p>vi. Tidak bersalaman atau bersentuhan dengan pemain lain dan mengurangkan interaksi sosial.</p> <p>vii. <u>DILARANG</u> berkongsi air minuman, makanan, pakaian, tuala muka dan peralatan peribadi.</p> <p>viii. Sentiasa mematuhi prosedur dan arahan yang ditetapkan oleh pihak penganjur dari semasa ke semasa.</p> <p>ix. Setiap pasukan yang bertanding adalah <u>TIDAK DIBENARKAN</u> membawa penyokong masing - masing.</p> <p>x. Pihak urusetia akan mengambil suhu setiap ahli pasukan sebelum pertandingan dimulakan.</p>
15.	<p><u>YURAN PENYERTAAN</u> adalah sebanyak <u>RM 200.00</u> untuk setiap pasukan dan perlu dibayar secara <u>TUNAI</u> semasa mengemukakan Borang Penyertaan sebelum tarikh tutup penyertaan pada <u>12hb Januari 2021 (Selasa)</u>.</p>
16.	<p><u>HADIAH PERTANDINGAN FUTSAL PIALA PUSINGAN YB DATO' SRI (DR.) RICHARD RIOT ANAK JAEM, (EDISI 2021)</u></p> <p>Johan : Piala Pusingan (Edisi 2021) + RM 2,000.00 tunai + piala + medal</p> <p>Naib Johan : RM 1,000.00 tunai + piala + medal</p> <p>Ketiga : RM 750.00 tunai + piala + medal</p> <p>Keempat : RM 500.00 tunai</p> <p>Pemain Terbaik : Trofi</p> <p>Penjaga Gol Terbaik : Trofi</p>
17.	<p><u>PEMAKLUMAN UMUM OLEH PIHAK PENGANJUR</u></p> <p>Pihak penganjur <u>TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB</u> terhadap sebarang tuntutan daripada semua pegawai serta pemain yang terlibat dalam pertandingan ini. Sebarang <i>kehilangan harta benda</i> mahu pun <i>kematian, kecelakaan kemalangan</i> yang terjadi pada sebelum, semasa dan selepas mengikuti pertandingan ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak pengurus pasukan serta pemain pasukan sendiri.</p>

18.	<p><u>TARIKH TUTUP PENYERTAAN</u></p> <p>Tarikh tutup penyertaan pertandingan ini adalah pada 12hb Januari 2021 (Selasa) , pada atau sebelum pukul 5.00 petang. Semua borang penyertaan yang telah lengkap diisi boleh dikembalikan ke alamat seperti berikut :-</p> <p style="text-align: center;">Urusetia, Pertandingan Futsal Piala Pusingan YB Dato Sri (Dr.) Richard Riot Anak Jaem (Edisi 2021)</p> <p style="text-align: center;">Majlis Daerah Serian, No. 1, Jalan Bunga Tanjung, 94700 Serian. Sarawak</p> <p style="text-align: center;">(u.p. Encik Alban Ebony Charles atau Encik Isaac Ranyau)</p> <p style="text-align: center;">Tel : 082 - 874154 Fax : 082 - 874799</p>
19.	<p><u>MESYUARAT PENGURUS PASUKAN DAN CABUTAN UNDI</u></p> <p>Mesyuarat Pengurus Pasukan dan cabutan undi kumpulan akan diadakan pada 14hb Januari 2021 (Khamis) pada pukul 3.00 petang bertempat di alamat seperti Perkara 18 di atas. Hanya Pengurus Pasukan atau Wakil (seorang sahaja) WAJIB untuk hadir.</p>

Saya, selaku Pengurus Pasukan (*isikan nama pasukan*) _____ ,
akur dengan segala keputusan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.

Tandatangan (Pengurus Pasukan) :

Nama Pengurus Pasukan : _____

Alamat : _____

: _____

No. Telefon : _____

Tarikh : _____